PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2026/2027

Rujukan Pelajar Baharu
Politeknik METrO Johor Bahru
Sesi II 2026/2027



EDITOR

PENAUNG
PUAN FARIDATULJANA BINTI MOHD. NOOR

PENASIHAT 1
PUAN HAMIDAH BINTI AB RAHMAN

PENASIHAT 2
TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN TAWANG

PENGARAH PROGRAM PENDAFTARAN PELAJAR
PUAN HASNIDA BINTI IBRAHIM (MTS)
PUAN NOOR AFIZAH BINTI ATAN (PENDAFTARAN)

KETUA EDITOR
PUAN NOOR AFIZAH BINTI ATAN

PRAKATA

Sebagai persediaan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2026/2027, semua calon pelajar adalah dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU SESI II 2026/ 2027**. Ini bagi memastikan pelajar dan ibu bapa dapat membuat persediaan awal sebelum pendaftaran serta memastikan proses pendaftaran pelajar dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Panduan ini adalah untuk kegunaan dan rujukan pelajar yang akan mendaftar di Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) bagi Sesi II 2026/2027sahaja.

Maklumat yang dinyatakan di dalam **panduan ini adalah tepat sehingga pada tarikh buku ini dikeluarkan.** Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui laman media sosial *Facebook* dan *Instagram* rasmi PMJB iaitu di :

https://www.facebook.com/PoliteknikMETrOJohorBahru
https://www.instagram.com/politeknikmetrojohorbahru/

Panduan ini disusun semula dengan merujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti mengikut kesesuaian Politeknik METrO Johor Bahru.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Dokumen Yang Perlu Dibawa	3
Peringatan	4
Maklumat Institusi	5
Maklumat Hari Pendaftaran	6
Sebelum Lapor Diri	7
Yuran & Kaedah Bayaran	8 - 9
Tatacara Pendaftaran iPAYMENT	10 - 12
Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian_iPAYMENT	13 – 22
Pra-Pendaftaran Sistem SPMP PMJB (Online)	23 – 25
Panduan Muatnaik Gambar	26
Kemudahan Bilik Sewa	27
Pembiayaan & Pinjaman Pendidikan	28 - 29
Rupa Diri Pelajar	30 - 33
Kalendar Akademik	34

DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

DOKUMEN PENTING YANG PERLU DISEDIAKAN DAN DIBAWA SEMASA HARI PENDAFTARAN

1. Kad Pengenalan **(dokumen asal)**
2. Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik **(dokumen asal)**
3. Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SMPV/ Sijil akademik yang lain **(dokumen asal)**
4. Sijil Berhenti Sekolah **(dokumen asal)**
5. Slip rasmi iPayment – YURAN PENGAJIAN **(RM 200.00) – 1 salinan**
6. Slip rasmi iPayment - Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (SAKP) **(RM 50.00) – 1 salinan**
7. Slip Bank Islam- YURAN Majlis Sukan Politeknik (MSP) **(RM 25.00) -2 salinan**
8. Salinan penyata akaun bank pelajar **(yang tertera nama pelajar & no akaun bank) -1 salinan**
9. Borang-borang Pendaftaran (**BHEP1 hingga BHEP6**) yang telah lengkap.
10. **Borang MSP** Sesi II 2026/2027 (**Rujuk Lampiran 1**)
11. Gambar warna yang terkini berukuran pasport **2 keping.**

PERINGATAN

Maklumat anda **akan disemak secara terperinci** oleh pegawai- pegawai Hal Ehwal Pelajar PMJB. Tindakan akan diambil sekiranya anda

i. memberi **maklumat salah atau palsu** semasa permohonan berkaitan dengan:

- **Kewarganegaraan**
- **Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir**

ii. anda seorang **penagih, pengedar atau terlibat** dengan sebarang **penyalahgunaan dadah.**

Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), **tindakan menarik balik** atau **pembatalan tawaran** kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.

MAKLUMAT INSTITUSI

Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) mula beroperasi pada 1 April 2011 dan merupakan salah sebuah dari 36 buah politeknik di seluruh negara. Sebagai menyokong visi Politeknik Malaysia, untuk mejadi peneraju institusi TVET yang unggul, PMJB perlu diurus secara cekap dan sistematik. Dengan itu, PMJB mengamalkan **Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berasaskan MS ISO 9001: 2015**. Selain itu, juga PMJB merupakan **satu-satunya politeknik** di Malaysia yang mengamalkan **Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900: 2014**. Ini bagi memastikan semua pengurusan dan pelaksanaan aktiviti di dalam kampus adalah selaras dengan tuntutan syariah.

KURSUS YANG DITAWARKAN:
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN (5 SEMESTER)
DIPLOMA KEUSAHAWANAN (5 SEMESTER)
DIPLOMA KEWANGAN ISLAM (6 SEMESTER)

Kampus PMJB berada di tengah-tengah bandaraya Johor Bahru dan terletak di Taman Putera bersebelahan Pasaraya Giant Southern City, Johor Bahru. Alamat PMJB ialah:

POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU
NO. 64 JALAN SURIA 19,
TAMAN PUTERA,
81100 JOHOR BAHRU,
JOHOR
07- 335 8851/52
website: www.pmjb.edu.my

MAKLUMAT PENDAFTARAN

PROGRAM	TARIKH	MASA	LOKASI
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK & RANTAIAN BEKALAN (DLS)	23 NOV 2026 (ISNIN)	8.30 PAGI HINGGA 12.30 TENGAHARI	POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU
DIPLOMA KEUSAHAWANAN (DEN)			
DIPLOMA KEWANGAN ISLAM (DIF)			

MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) - KEHADIRAN ADALAH WAJIB

PROGRAM	TARIKH MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)
SEMUA PROGRAM DIPLOMA (DLS, DEN & DIF)	**24-27 November 2026** **Kehadiran adalah wajib bagi semua pelajar baharu PMJB Sesi II 2026/2027

***** Rujuk mukasurat 30-33 untuk panduan rupadiri pelajar**

SEBELUM LAPOR DIRI

Melengkapkan & **menghantar Borang Jawapan Terima (BJT)** secara pos / serahan tangan di PMJB dalam tempoh 7 hari dari tarikh tawaran. (Layari portal rasmi : http://ambilan.mypolycc.edu.my)

Lengkapkan **Borang BHEP 1-6 serta Borang MSP dan bawa bersama pada hari pendaftaran**

Membuat **BAYARAN YURAN PENGAJIAN, SUMBANGAN AKTIVITI & KEBAJIKAN PELAJAR, YURAN MSP dan BAYARAN BARANG DAN PERKHIDMATAN PELAJAR** (Rujuk muka surat 8)

Mengambil **gambar berukuran passport (2 keping)** & sila minta salinan softcopy dari kedai gambar (bagi tujuan muatnaik di sistem SPMP).

Format Gambar (**Rujuk muka surat 26**) :

Lelaki - Baju Kemeja & bertali leher / berambut pendek & kemas

Perempuan - Bertudung (bagi Islam)/Rambut kemas tidak bewarna (bukan Islam)

Menyertai **kumpulan Whatsapp Sesi II 2026/2027**atau imbas KOD QR ini

https://chat.whatsapp.com/L7Lums5MlgV80rjBOGU96w?

*****hanya pelajar sahaja perlu berada dalam kumpulan Whatsapp**

Membuat **pra-pendaftaran di SPMP PMJB mulai 11/11/2026 (RABU)**
atau imbas KOD QR ini **http://spmp.pmjb.edu.my/**

**** perkara ini hanya boleh dilakukan dalam masa 2 hari setelah PMJB menerima dan memproses maklumat bayaran YURAN PENGAJIAN**
(Rujuk ms 23-25 untuk tatacara pendaftaran sistem ini)

Selesai

YURAN & KAEDAH BAYARAN

Pembayaran yuran perlu dilakukan oleh pelajar **mulai 06/11/2026 sehingga 22/11/2026.** Simpan semua resit **https://forms.gle/5b7i1JTwe51hZmcv5** sebagai bukti bayaran.

<table>
<tr><th>JENIS YURAN/ BAYARAN & JUMLAH</th><th>KAEDAH BAYARAN</th></tr>
<tr><td>YURAN PENGAJIAN

RM 200.00

SUMBANGAN AKTIVITI dan KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)

RM 50.00</td><td>1. Daftar Pengguna iPAYMENT (Pelajar sahaja)
https://ipayment.anm.gov.my/
(Rujuk tatacara pendaftaran iPAYMENT di m/s 10-12)

2. Bayar melalui iPAYMENT https://ipayment.anm.gov.my/
secara online banking/mobile banking/ Kod QR DuitNow/ Kad Kredit/ E-Dompet.
(Rujuk tatacara bayaran iPAYMENT di m/s 13 – 22)

➢ Ref-1 : 740101021234 (No K/P Pelajar TANPA TANDA ‘-‘)
➢ Ref-2 : 0134451234 (No telefon pelajar)

<table><tr><td>Tarikh Mula Bayar</td><td>06 November 2026</td></tr><tr><td>Tarikh Akhir Bayar</td><td>Sebelum hadir lapor diri di PMJB</td></tr><tr><td>Kaedah Pembayaran</td><td>iPayment</td></tr></table>** Sila pastikan e-mel yang didaftarkan di iPayment adalah sama dengan emel pada Borang Jawapan Tawaran (BJT-BAPP)**

3. Pelajar berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM diberi penangguhan bayaran yuran pengajian (RM 200).</td></tr>
<tr><td>MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

RM 25.00</td><td>1. Secara Pindahan Wang (EFT: Electronic Fund Transfer)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK
No akaun: 04033010039758 (Bank Islam)

BANK ISLAM

*Reference : No Kad Pengenalan Pelajar (Contoh: 070101021234)

2. Isi borang keahlian MSP (rujuk LAMPIRAN 1) dan muat naik dalam link yang disediakan.</td></tr>
</table>

JENIS YURAN/ BAYARAN & JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
Bayaran Barang dan Perkhidmatan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti • Perlindungan Takaful Berkelompok • Keperluan Minggu Transformasi Siswa	Mohon rujuk group WhatsApp di bawah untuk pembayaran ini.  **https://chat.whatsapp.com/L7Lums5MlgV80rjBOGU96w?**

TATACARA PENDAFTARAN iPAYMENT

LANGKAH 1

Layar masuk ke laman web https://ipayment.anm.gov.my/




LANGKAH 2

Klik daftar




1. Isi semua bahagian seperti tertera, sila pastikan emel yang anda masukkan adalah emel yang masih aktif. Sila pastikan **emel tersebut adalah milik Pelajar** dan **nama yang di isi adalah seperti di kad pengenalan.**



NAMA SEPERTI DI DALAM KAD PENGENALAN

Contoh:
Nama Pertama: Ali
Nama Akhir: bin Abu

2. Kemudian klik daftar



3. Sila Semak emel anda untuk pengaktifan akaun. Klik pada pautan yang diberikan.




4. Tahniah, anda telah berjaya mendaftar sebagai pengguna iPayment.



TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN_iPAYMENT

LANGKAH 1:

Layari web https://ipayment.anm.gov.my/. Klik butang Log Masuk.




LANGKAH 2:

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar iPayment.




Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:



LANGKAH 3:

Klik pada ikon menu bil. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:



Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon




Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya.



LANGKAH 4:

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.



LANGKAH 5:

Seterusnya paparan menu bayaran seperti berikut. Terdapat empat kaedah pembayaran:


i. **Perbankan Internet**
ii. **Kod QR DuitNow**
iii. **Kad**
iv. **E-Dompet**

Pelajar boleh memilih mana-mana kaedah yang diingini.




i. Kaedah Perbankan Internet


- Sekiranya memilih **Perbankan Internet**, paparan pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.




- Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar.



- Seterusnya klik butang Ya



- Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa.



- **Ref-1 : 740101021234 (No K/P Pelajar TANPA TANDA '-')**
  Ref-2 : 0134451234 (No telefon pelajar)

ii. Kaedah Kod QR DuitNow

- Jika memilih kaedah Kod QR DuitNow, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.



- Seterusnya akan dipaparkan Kod QR seperti di bawah. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. **Jangan kongsikan kod QR** kepada orang lain.




iii. Kaedah Kad

- Jika memilih kaedah pembayaran Kad, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.



- Paparan berikut akan dipaparkan. Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran.




iv. Kaedah E-Dompet

- Jika memilih kaedah pembayaran E-Dompet, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




- Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompet. Pilih aplikasi E-Dompet berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran.



SELESAI BAYARAN
YURAN PENGAJIAN_iPAYMENT

- Apabila yuran pengajian telah berjaya diselesaikan, senarai bilangan akan berkurang.



- **Salinan resit bayaran** perlu disimpan di **https://forms.gle/5b7i1JTwe51hZmcv5**. Resit boleh didapati melalui dua kaedah, klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran. Berikut merupakan contoh salinan resit bayaran:



KERAJAAN MALAYSIA

RESIT RASMI
SALINAN

Diterima Daripada : MUHAMMAD[redacted]
No. Resit : RN240702820112202310
Tarikh & Masa Bayaran : 25/07/2024 08:37 AM
No. Identiti : [redacted]
Alamat : [redacted]
No. Rujukan : [redacted]
Kaedah Pembayaran : PORTAL / KOD QR DUITNOW
Perihal Bayaran : BAYARAN YURAN PENGAJIAN

No	Keterangan	Kod Akaun	Amaun (RM)
1	BAYARAN YURAN PENGAJIAN POLITEKNIK [redacted]	[redacted]	200.00
		Jumlah Bayaran	200.00

Ringgit Malaysia: DUA RATUS SAHAJA

Jabatan : JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
Kementerian : KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

PRA-PENDAFTARAN SISTEM SPMP PMJB *(ONLINE)*

Pendaftaran **SISTEM SPMP perlu dibuat mulai 11 November 2026 (Rabu) jam 10.00 pagi** sehingga sebelum hadir mendaftarkan diri di Politeknik METrO Johor Bahru pada **23 November 2026.**

- Ia hanya boleh dilakukan **setelah 2 hari bekerja anda selesai membuat bayaran YURAN PENGAJIAN**_iPAYMENT.
- Tatacara pra-pendaftaran SPMP PMJB adalah seperti berikut:

1) Log masuk **http://spmp.pmjb.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp**


(selepas 2 hari bekerja membuat pembayaran yuran menerusi iPAYMENT)

2) Paparan berikut akan keluar.
Masukkan **No Kad Pengenalan**. Klik **teruskan.**




3) Langkah seterusnya akan dipaparkan.

- Sekiranya calon **belum membayar yuran**, paparan seperti berikut dipaparkan. (**sila buat bayaran yuran**)



❖ Sekiranya calon **telah membayar yuran** dan bayaran telah dikemaskini, paparan berikut dipaparkan. **KLIK no. 4**




4) Paparan berikut akan keluar**.**

Muat naik gambar pelajar berukuran passport. (Pastikan gambar anda mengikut arahan di m/s 26)

Kemudian, klik **Cetak Slip** untuk mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian dan **bawa semasa hari pendaftaran 23 November 2026 (Isnin).**



5) Contoh Slip Pengesahan Dalam Talian yang telah selesai.



Politeknik METrO Johor Bahru
No 64, Jalan Suria 19,
Taman Putera
81100 Johor Bahru
Johor

Telefon : 07-3358851
Fax : 07-3358854
Web : http://www.pmjb.edu.my

Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama : NUR NATASYA
No Kp :
No Pendaftaran : 30DLS22F
Program : Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan
Kelas : DLS1A
Jabatan : JABATAN PERDAGANGAN
Tarikh Lapordiri : 04/09/2022
Masa lapordiri : 8:30 Pagi
Sesi Mula : I : 2022/2023
Sesi Tamat : I : 2024/2025

No Pendaftaran Pelajar

Arahan Semasa Melapor Diri

i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
iii Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
vi Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

----------Potong Disini----------

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik METrO Johor Bahru Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik METrO Johor Bahru

Nama : NUR NATASYA
No Kp :
No Pendaftaran : 30DLS22F
Program : Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan
Kelas : DLS1A

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik METrO Johor Bahru

Peralatan dari Koperasi Politeknik METrO Johor Bahru yang telah di ambil oleh pelajar

- [ ] Baju Korporat
- [ ] Kemeja T (MSK)
- [ ] Kemeja T (YES Polytechnic)
- [ ] Tracksuits
- [ ] Lanyard + Card Holder
- [ ] Langsir Asrama
- [ ] Buku Nota


CONTOH

PANDUAN MUATNAIK GAMBAR

Pelajar diwajibkan memuat naik gambar berukuran passport di laman sesawang "Pendaftaran Pelajar Baharu Online" serta menyimpan Sesalinan Lembut (*Soft Copy*) gambar tersebut di dalam telefon pintar masing-masing. Arahan ini adalah mandatori dan kegagalan menyediakannya akan melambatkan proses pendaftaran pelajar pada hari serahan dokumen.

Ciri-Ciri Gambar :-

1. Gambar berukuran sekurang-kurangnya 158px @ 5.57cm X 121px @ 4.27cm.
2. Format gambar.jpg.
3. Gambar dengan latarbelakang berwarna putih (kecuali anggota tentera).
4. Gambar menghadap ke hadapan.
5. Tidak memakai purdah, serban atau kopiah.



KEMUDAHAN BILIK SEWA

PMJB TIDAK menyediakan asrama/ kolej kediaman bagi pelajar, dan perlu menyewa di sekitar PMJB. Bagi pelajar yang memerlukan kemudahan tempat tinggal, PMJB hanya menyediakan senarai rumah dan bilik sewa. Urusan berkaitan perkara ini perlu diuruskan sendiri oleh pelajar bersama pengusaha rumah sewa.

Senarai rumah/bilik sewa

BIL	ALAMAT	PENERIMAAN KEMASUKAN	NO UNTUK DIHUBUNGI
1	No. 21, Jalan Suria 18, Taman Suria, JB (Atas Al-Qana'ah Farmasi)	**LELAKI**	Pn. Amyra **Tel: 01172553537**
2	No. 46-48 Jalan Suria 19, Taman Suria JB (Atas seven Eleven)	**LELAKI** **PEREMPUAN**	En. Ibrahim **Tel: 013 4353786**
	No. 20 Jalan Suria 18, Taman Suria 18, JB (Atas al-Jabbar) No. 22 Jalan Suria 18, Taman Suria 18, JB (Atas Gazebo Place)	**PEREMPUAN**	
3	No. 8 Jalan Suria 14, Taman Suria JB	**PEREMPUAN**	En. Mohd Haris **Tel: 013 7034937**
4	No.25, Jalan Suria 19, Taman Putera, JB (Atas Restoran Mummy R)	**LELAKI**	Pn. Amyra **Tel: 011 72553537**
5	No.16, Jalan Suria 18, Taman Suria, JB (Atas Kedai Frozen)	**PEREMPUAN**	En. Sharie **Tel: 011 36546069**
6	Jalan Suria 18, Taman Suria, JB	**LELAKI** **PEREMPUAN**	En. Jamal **Tel: 012 765 3275**

PEMBIAYAAN & PINJAMAN PENDIDIKAN

PMJB **tidak menyediakan** pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa / Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini.

Pembiaya pendidikan pelajar yang terbesar di PMJB adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Pelajar dinasihatkan memohon pinjaman pendidikan sekiranya perlu.

PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

1) Pelajar **perlu memohon PTPTN sendiri** dengan melayari laman sesawang PTPTN di ***http://www.ptptn.gov.my***

2) Rujuk panduan permohonan yang disediakan oleh pihak PTPTN.

3) Sebelum membuat permohonan, sila pastikan anda telah:

- Menerima Surat Tawaran IPT
- Mempunyai akaun SSPN. Sekiranya tiada, mohon rujuk laman sesawang PTPTN untuk tatacara pembukaan akaun SSPN di https://www.ptptn.gov.my/sspniplusonline/
- Membuka **Akaun Bank Islam atas nama pelajar sendiri**
- Membuat **semakan jadual permohonan** dan bayaran pinjaman. Jadual permohonan boleh disemak di laman sesawang PTPTN.

4) Mengesahkan salinan dokumen yang diperlukan oleh pihak PTPTN.

PINJAMAN LAIN

Pelajar boleh memohon pinjaman/ biasiswa/ dermasiswa dari mana-mana institusi dan perlu membuat permohonan sendiri ke institusi tersebut.

Pelajar boleh berhubung dengan pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) PMJB untuk mendapatkan **Surat Pengesahan Pelajar** selepas selesai proses pendaftaran.

Antara agensi lain yang menawarkan pinjaman adalah seperti Zakat Selangor, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Pelajaran Johor, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Yayasan KUOK dan lain- lain. Sila layari laman sesawang tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut.

RUPA DIRI PELAJAR

Semua pelajar Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Pindaan 1997 (Akta 174) dan semua peraturan bertulis di Politeknik**.**



SEMASA HARI PENDAFTARAN & PENUTUP MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

Lelaki	Keterangan
Baju	• Kemeja **lengan panjang berwarna PUTIH** • Tali leher **HITAM**
Seluar	• Seluar panjang ***'slack'* berwarna hitam** – *jeans* dan *denim* tidak dibenarkan. • **WAJIB** *tuck-in* baju • **Tali pinggang HITAM**- corak atau kepala tali pinggang yang keterlaluan tidak dibenarkan
Kasut	• **Kasut bertutup penuh** dan **berstokin**
Rambut	• **Pendek, kemas dan tidak diwarnakan** • Tidak berfesyen yang melampau
Aksesori	• Barang kemas seperti gelang, rantai,vape, pod dan rokok **tidak dibenarkan**

Perempuan	Keterangan
Baju	• **Baju kurung berwarna PUTIH** • **Kemeja lengan panjang berwarna PUTIH** • Pakaian ketat, nipis dan berbelah di mana-mana bahagian **tidak dibenarkan** • **Bertudung HITAM** bagi yang beragama Islam
Kain/ Skirt	• Warna **HITAM** • Seluar panjang ***'slack'* berwarna HITAM yang LONGGAR** • Labuh ke paras buku lali • Jeans **tidak dibenarkan**
Kasut	• **Kasut bertutup penuh** dan **sarung kaki** dengan sempurna.
Rambut (bukan Islam sahaja)	• Rambut **diikat** kemas • **tidak diwarnakan** serta tidak berfesyen
Aksesori	• Dibenarkan tetapi pada kadar minimum • Makeup yang minima dan tidak *heavy*



Gambar 1: Pakaian semasa Hari Pendaftaran & Penutup Minggu Transformasi Siswa (MTS)

SEPANJANG MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

PELAJAR LELAKI (SISWA PMJB)	
SISWA	• Baju kemaja lengan panjang/ pendek • Seluar ***slack* berwarna gelap/ *plain*** • **WAJIB** *tuck- in* baju sentiasa • Kad pelajar sementara dipamerkan • Pemakaian **jeans tidak dibenarkan**
SISWI	• **Baju kurung/ jubah** bagi pelajar beragama Islam • Kemeja lengan panjang/ *blouse* berkolar lengan panjang bagi bukan beragama Islam • Seluar/ skirt formal berwarna gelap/ plain dan labuh sehingga paras buku lali • Kad pelajar sementara dipamerkan



Gambar 2: Potongan rambut SISWA



Gambar 3: Gaya rambut SISWI (bukan Islam)



Gambar 4: Bertudung melepasi dada

SEPANJANG PENGAJIAN (KE KELAS)

Etika berpakaian pelajar PMJB ke kampus (kelas) adalah seperti berikut:

TATACARA PEMAKAIAN & PENAMPILAN DIRI SISWA PMJB

Kuatkuasa: 13 Januari 2025



TATACARA PEMAKAIAN & PENAMPILAN DIRI SISWI PMJB

Kuatkuasa: 13 Januari 2025

Pelajar HANYA DIBENARKAN memakai baju T-shirt ko - kurikulum Politeknik pada hari RABU/kelas Sukan/Kelab sahaja



PAKAIAN KE KULIAH

PAKAIAN SUKAN/KELAB

KALENDAR AKADEMIK

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KALENDAR AKADEMIK 2026/2027
PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

INSTITUSI A - Kedah, Kelantan dan Terengganu
INSTITUSI B - Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

TARIKH		BIL MINGGU	AKTIVITI	CATATAN	LATIHAN INDUSTRI (LI) / WORK BASED LEARNING (WBL)
INSTITUSI A	INSTITUSI B				
SESI I : 2026/2027					
21/06/26 - 27/06/26	22/06/26 - 28/06/26	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/Aktiviti Suai Kenal		**Politeknik** **LI / WBL** **07/08 Jun 2026 - 22/23 Oktober 2026 (20 minggu) **Kolej Komuniti** **LI / WBL** **07/08 Jun 2026 – 24/25 September 2026 (16 minggu) **Sijil Teknologi Elektrik Pemasangan dan Perkhidmatan (STE)** **18 Mei 2026 – 17 November 2026 (6 bulan)
28/06/26 - 29/08/26	29/06/26 - 30/08/26	9	Kuliah	• Maulidur Rasul : 25/08/2026 (Selasa)	
30/08/26 - 05/09/26	31/08/26 - 06/09/26	1	Cuti Pertengahan Semester	• Hari Kebangsaan : 31/08/2026 (Isnin)	
06/09/26 - 10/10/26	07/09/26 - 11/10/26	5	Kuliah	• Hari Malaysia : 16/09/2026 (Rabu)	
11/10/26 - 16/10/26	12/10/26 - 16/10/26	1	Minggu Ulang Kaji		
17/10/26 - 08/11/26	17/10/26 - 08/11/26	3	Peperiksaan Akhir Semester (kecuali STE)	• Hari Deepavali - kecuali Negeri Sarawak : 08/11/2026 (Ahad)	
09/11/26 - 28/11/26	09/11/26 - 29/11/26	3	Cuti Akhir Semester		
SESI II : 2026/2027					
22/11/26 - 28/11/26	23/11/26 - 29/11/26	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/Aktiviti Suai Kenal		**Politeknik** **LI / WBL** **29/30 November 2026 - 15/16 April 2027 (20 minggu) **Kolej Komuniti** **LI / WBL** **29/30 November 2026 - 18/19 Mac 2027 (16 minggu) **Sijil Teknologi Elektrik Pemasangan dan Perkhidmatan (STE)** **30 November 2026 - 29 Mei 2027 (6 bulan)
29/11/26 - 06/02/27	30/11/26 - 07/02/27	10	Kuliah	• Hari Krismas : 25/12/2026 (Jumaat) • Tahun Baru : 01/01/2027 (Jumaat) • Tahun Baru Cina : 06&07/02/2027 (Sabtu & Ahad)	
07/02/27 - 13/02/27	08/02/27 - 14/02/27	1	Cuti Pertengahan Semester		
14/02/27 - 06/03/27	15/02/27 - 07/03/27	3	Kuliah		
07/03/27 - 13/03/27	08/03/27 - 14/03/27	1	Cuti Perayaan	• Hari Raya Aidilfitri : 10 & 11/03/2027 (Rabu & Khamis)	
14/03/27 - 20/03/27	15/03/27 - 21/03/27	1	Kuliah		
21/03/27 - 26/03/27	22/03/27 - 26/03/27	1	Minggu Ulang Kaji		
27/03/27 - 18/04/27	27/03/27 - 18/04/27	3	Peperiksaan Akhir Semester (kecuali STE)		
19/04/27 - 19/06/27	19/04/27 - 20/06/27	9	Cuti Akhir Semester/ Semester Pendek Pelaksanaan Semester Pendek bergantung kepada Institusi (Kuliah Semester Pendek bermula pada 19 April 2027)	• Hari Pekerja : 01/05/2027 (sabtu) • Hari Raya Aidiladha : 17/05/2027 (Isnin) • Hari Wesak : 20/05/2027 (Khamis) • Awal Muharram : 06/06/2027 (Ahad) Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong : 07/06/2027 (Isnin)	
SESI I : 2027/2028					
13/06/27 - 19/06/27	14/06/27 - 20/06/27	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		

Nota : Tertakluk kepada sebarang perubahan :
1. Dasar Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Cuti umum.

**Tertakluk kepada hari bekerja industri.

Diluluskan oleh :

(DR. SHAMSURI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah
Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Tarikh : 16/01/2026

LAMPIRAN 1

MSP_DAF- 001

BORANG KEAHLIAN PELAJAR
(SEMESTER 1)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU
NO H/P	

Saya_____No kad pengenalan_____dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

YURAN KEAHLIAN

PENDAFTARAN	RM 10.00
SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	**RM 25.00**
	• Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja (*Electronic Fund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia.** Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad** No Akaun : **04033010039758** Jenis Akaun : **Akaun Semasa** • Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran. • Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Tandatangan

(NAMA :_____)
Tarikh :

Unit Hal Ehwal Pelajar
Politeknik METrO Johor Bahru
No.64, Jalan Suria 19
Taman Putera, 81100
Johor Bahru
Johor Darul Takzim
No. Tel: 07-335 8851 /52

Sesi II 2026/2027